

ANALISIS FAKTOR SIKAP, JANTINA DAN KAUM DALAM
MEMPENGARUHI PENCAPAIAN MATEMATIK PELAJAR
TAHUN 6 DALAM UJIAN PENILAIAN SEKOLAH RENDAH
(UPSR) DI DAERAH LARUT, MATANG DAN SELAMA
KAJIAN KES : SEKOLAH RENDAH KEBANGSAAN
ALL SAINTS, TAIPING
PERAK.

OLEH

AHAMAD FAADZIL BIN ALANG
ABDUL KAHAR BIN ZAKARIA
FAKHRI BIN BAHARUDIN
ZAITON BINTI HUSIN

KERTAS PROJEK INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI
DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM

FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PERAK
SERI MANJUNG
1999

4 APRIL 1999

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur kepada Allah s.w.t. kerana atas limpah kurniaNya serta hidayat dan taufiqNya membolehkan kami menyelesaikan Kertas Projek ini. Pertama sekali kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah kami Encik Mohd Fauzi bin Harun kerana telah sudi meluangkan masa dan tenaganya dalam memberikan komen dan tunjuk ajar khususnya untuk kami menghasilkan kajian ini.

Kami juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama dan sokongan di sepanjang kami berusaha untuk menyiapkan kajian ini. Segala bimbingan, bantuan dan sokongan ini sangat kami hargai kerana dengan itu jugalah kajian ini telah dapat disempurnakan.

Penghargaan juga diberikan kepada Pegawai Pendidikan Daerah Larut, Matang dan Selama Tuan Haji Salim bin Abdul Hamid serta para pegawainya yang telah memberikan kerjasama, sokongan dan kebenaran untuk kami menjalankan kajian. Begitu juga kepada Encik Ismail bin Yussof, Gurubesar Sekolah Rendah Kebangsaan All Saints Taiping, guru-guru sekolah berkenaan dan juga para pelajar yang menjadi responden kepada kajian kami ini.

SINOPSIS (BAHASA MELAYU)

Pencapaian matematik di kalangan pelajar-pelajar di Malaysia sememangnya kurang memuaskan dan perlu diambil perhatian yang sewajarnya. Perkara ini diakui sendiri oleh Menteri Pendidikan Malaysia sendiri dalam ucapannya semasa Majlis Pelancaran Latihan Mental Aritmatik pada 2 Julai 1998. Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk menangani masalah ini dimulai dengan pelaksanaan Karikulum Bersepadu Sekolah Rendah yang dilancarkan pada 1983 dan berteraskan 3M iaitu menulis, membaca dan mengira. Kerajaan juga telah memperkenalkan beberapa pendekatan seperti penggunaan alat bantuan mengajar yang sesuai, penggunaan sempoa dan juga mental aritmatik. Usaha-usaha tersebut dalam jangkamasa pendek telah menampakkan hasil dengan peningkatan peratusan kebangsaan dalam Matematik di peringkat UPSR dan peperiksaan utama yang lain.

KANDUNGAN

	HALAMAN
HALAMAN JUDUL	I
PENGAKUAN.....	II
PENGHARGAAN	III
SINOPSIS (BAHASA MELAYU).....	V
SINOPSIS (BAHASA INGGERIS)	VI
KANDUNGAN.....	VII
SENARAI SINGKATAN.....	X
SENARAI JADUAL.....	XI
SENARAI RAJAH	XIII
SENARAI PETA	XIV
SENARAI LAMPIRAN	XV

BAB

I PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan dan Pernyataan Masalah.....	01
1.2	Objektif Kajian	05
1.3	Kajian-Kajian Lepas	06

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan dan Pernyataan Masalah

Usaha-usaha untuk mewujudkan masyarakat Malaysia yang berdaya saing dan berdaya maju seperti yang digariskan dalam Wawasan 2020 adalah bermatlamat untuk menjadikan Malaysia sebuah negara moden dan maju, sebuah masyarakat industri yang adil, bermoral dan rasional serta mempunyai keperibadian sendiri.

Dalam menuju ke arah sebuah negara maju, masyarakat Malaysia memerlukan kesediaan diri yang kukuh dari segi intelek, rohani, jasmani dan emosi. Pembangunan pesat yang berlaku dalam pelbagai dan setiap bidang memerlukan ahli-ahli profesional seperti jurutera, doktor, arkitek, juruanalisa sistem dan sebagainya. Kesemua golongan ini secara bersepadu mengembeling fikiran, tenaga dan usaha untuk membentuk Malaysia menjadi sebuah negara maju.

Hampir kesemua bidang-bidang profesional berkenaan memerlukan latarbelakang dan asas yang kukuh dalam mata pelajaran matematik. Ini menjadikan